



NEGERI MELAKA

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 46**

**21hb November 2002**

**No. 24**

---

---

AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948

SUBORDINATE COURTS ACT 1948

**No. 283.**

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 77(1)

NOTIFICATION UNDER SUBSECTION 77(1)

Adalah dengan ini diberitahu bahawa Encik Haris bin Hasan yang memegang jawatan Pegawai Daerah Jasin, Melaka ialah ex officio Majistret Kelas Satu mulai 2 Mei 2002 menurut subseksyen 77(1) Akta Mahkamah Rendah [Akta 92].

Bertarikh 5 November 2002.

[JKMM. 253/7-1 Jld. 4; PUN(M)223/6 Klt. 10.]

MAEMUN BIN HJ. MD. SABARI,  
Setiausaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,  
Melaka

It is hereby notified that Encik Haris bin Hasan who holds the office of the District Officer of Jasin, Melaka is an ex officio First Class Magistrate with effect from 2 May 2002 pursuant to subsection 77(1) of the Subordinate Courts [Act 92].

Dated 5 November 2002.

[JKMM. 253/7-1 Jld. 4; PUN(M)223/6 Klt. 10.]

MAEMUN BIN HJ. MD. SABARI,  
Clerk,  
State Executive Council,  
Malacca

## KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

**No. 284.**

(Seksyen 187B)

NOTIS-NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN DOKUMEN  
HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

HS(D) 1132 Mukim Kelemak Daerah Alor Gajah (Hakmilik hilang).

## JADUAL

Mukim—Kelemak. Perihal dan No. Hakmilik—HS(D) 1132 Mukim Kelemak. Luas—0.0183 hektar (1970 kaki persegi).

Bertarikh 23 September 2002.  
[PHTM 804 PT.]

SULAM BIN HAMID,  
Tim. Pendaftar Hakmilik Geran Tanah,  
Melaka

**No. 285.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

HS(D) 30110 Mukim Sungei Udang, Daerah Melaka Tengah  
(Hakmilik hilang).

## JADUAL

Mukim—Sungei Udang. No. P.T.—1224. Perihal dan No. Hakmilik—HS(D) 30110 Mukim Sungei Udang. Luas—111 meter persegi.

Bertarikh 27 September 2002.  
[PHTM 804 PT IX(2).]

HJ. MOHD. ARSHAD BIN HJ. ABU BAKAR,  
Timbalan Pendaftar Hakmilik Geran Tanah,  
Melaka

**No. 286.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

HS(D) 4221 Mukim Bukit Baru Daerah Melaka Tengah (Hakmilik hilang).

## JADUAL

Mukim—Bukit Baru. Perihal dan No. Hakmilik—HS(D) 4221 Mukim Bukit Baru. Luas—445.92 meter persegi.

Bertarikh 3 Oktober 2002.  
[PHTM 804 PT IX.]

HJ. MOHD. ARSHAD BIN HJ. ABU BAKAR,  
Timbalan Pendaftar Hakmilik Geran Tanah,  
Melaka

**No. 287.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

HS(D) 12863 Mukim Bachang Daerah Melaka Tengah (Hakmilik hilang).

## JADUAL

Mukim—Bachang. No. P.T—2687. Perihal dan No. Hakmilik—HS(D) 12863 Mukim Bachang. Luas—96 meter persegi.

Bertarikh 14 Oktober 2002.  
[PHTM 804 PT IX(2).]

HJ. MOHD. ARSHAD BIN HJ. ABU BAKAR,  
Timbalan Pendaftar Hakmilik Geran Tanah,  
Melaka

**No. 288.**

(Seksyen 254)

## NOTIS-NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAN

Kepada Azman bin Mokhtaruddin, (KP. RF 83932) beralamat di 2 Jalan Desa Duyong 18, Taman Desa Duyong, 75460 Melaka, penggadai di bawah Gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan dibuang kerja pada 24-4-1998. Dan kamu telah gagal membuat bayaran kesemua baki hutang berjumlah RM39,893.67 iaitu baki sehingga bulan 9/2001 beserta faedah yang terakru.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh notis ini.

Saya sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini mengkehendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh satu bulan dari tarikh pengisytiharan *Warta* ini.

Dan ambil perhatian, jika kamu ingkar memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, saya akan memohon suatu perintah jualan.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Duyong, Negeri Melaka. No. PT—709. Jenis dan No. Hakmilik—No. HS(D) 19200. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. 3161/91, Folio 17, Jilid 369 (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 22 Oktober 2001.  
[PP 32050/90/3.]

Ketua Penolong Setiausaha,  
Bahagian Pinjaman Perumahan,  
Perbendaharaan Malaysia,  
(Pegawai yang ditetapkan oleh  
Menteri Kewangan di bawah  
Seksyen 5(1) Minister of Finance  
(Incorporation) Ordinance 1957)

**No. 289.**

Kepada Mohamed Hamdan bin Abdul Majid, (KP. 0394951) beralamat di 18 Jalan Tembudu 10, Taman Merdeka, Batu Berendam, Melaka, penggadai di bawah Gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan meletak jawatan pada 4-2-1985 tidak membuat bayaran balik ansuran pinjaman sebagaimana yang ditetapkan dalam gadaian

dari 10/1985-11/2001 jumlah tunggakan tersebut ialah sebanyak RM113,458.96. Dan kamu telah gagal membuat bayaran kesemua baki hutang berjumlah RM142,503.18 iaitu baki sehingga bulan 11/2001 beserta faedah yang terakru.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh notis ini.

Saya sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini mengkehendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh satu bulan dari tarikh pengisytiharan *Warta* ini.

Dan ambil perhatian, jika kamu ingkar memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, saya akan memohon suatu perintah jualan.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Batu Berendam, Negeri Melaka.No. PT—764. Jenis dan No. Hakmilik—No. HS(D) 8304. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. 4869/84, Folio 48, Jilid 235 (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 30 November 2001.  
[PP 3068/84/3.]

Ketua Penolong Setiausaha,  
Bahagian Pinjaman Perumahan,  
Perbendaharaan Malaysia,  
(Pegawai yang ditetapkan oleh  
Menteri Kewangan di bawah  
Seksyen 5(1) Minister of Finance  
(Incorporation) Ordinance 1957)

#### **No. 290.**

Kepada Mat Safri bin Md Noh, (KP. 610220-04-5277) beralamat di 16C Jalan Batu Lintang, Tikam Batu, Kota Kuala Muda, 08500 Kedah, penggadai di bawah Gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan tamat perkhidmatan pada 1-5-1994 tidak membuat bayaran balik ansuran pinjaman sebagaimana yang ditetapkan dalam gadaian dari 3/1997-5/1998, 7/1998-1/2002 jumlah tunggakan tersebut ialah sebanyak RM12,595.86. Dan kamu telah gagal membuat bayaran kesemua baki hutang berjumlah RM41,017.41 iaitu baki sehingga bulan 1/2002 beserta faedah yang terakru.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh notis ini.

Saya sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini mengkehendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh satu bulan dari tarikh pengisytiharan *Warta* ini.

Dan ambil perhatian, jika kamu ingkar memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, saya akan memohon suatu perintah jualan.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Merlimau, Negeri Melaka. No. PT—668. Jenis dan No. Hakmilik—No. HS(D) 1484. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. 5067/90, Folio 57, Jilid 348 (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 11 Januari 2002.  
[PP 14334/90/3.]

Ketua Penolong Setiausaha,  
Bahagian Pinjaman Perumahan,  
Perbendaharaan Malaysia,  
(Pegawai yang ditetapkan oleh  
Menteri Kewangan di bawah  
Seksyen 5(1) Minister of Finance  
(Incorporation) Ordinance 1957)

#### No. 291.

Kepada Mohd Fuad bin Hussin, (KP. 591206-01-5521) beralamat di 6 Rumah Murah Jalan Padang Golf, Kuala Kubu Bharu, Selangor, penggadai di bawah Gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan tamat perkhidmatan pada 20-4-1995 tidak membuat bayaran balik ansuran pinjaman sebagaimana yang ditetapkan dalam gadaian dari 1/2002 jumlah tunggakan tersebut ialah sebanyak RM11,387.04. Dan kamu telah gagal membuat bayaran kesemua baki hutang berjumlah RM28,710.43 iaitu baki sehingga bulan 1/2002 beserta faedah yang terakru.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh notis ini.

Saya sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini mengkehendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh satu bulan dari tarikh pengisytiharan *Warta* ini.

Dan ambil perhatian, jika kamu ingkar memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, saya akan memohon suatu perintah jualan.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Sungai Rambai, Negeri Melaka. No. PT—138. Jenis dan No. Hakmilik—No. HS(M) MCL 187. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua.

Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. 184/89, Folio 54, Jilid 49 (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 11 Januari 2002.  
[PP 22218/88/3.]

Ketua Penolong Setiausaha,  
Bahagian Pinjaman Perumahan,  
Perbendaharaan Malaysia,  
(Pegawai yang ditetapkan oleh  
Menteri Kewangan di bawah  
Seksyen 5(1) Minister of Finance  
(Incorporation) Ordinance 1957)

**No. 292.**

Kepada Shapiah binti Yusop, (KP. 5077381) beralamat di 237 Blok 11, Felda Air Tawar, 81900 Kota Tinggi, Johor, penggadai di bawah Gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu sebagai penggadai bersama telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan suami kamu tamat perkhidmatan pada 31-10-1997 tidak membuat bayaran balik ansuran pinjaman sebagaimana yang ditetapkan dalam gadaian dari 3/1998-9/2002 jumlah tunggakan tersebut ialah sebanyak RM12,173.70. Dan kamu telah gagal membuat bayaran kesemua baki hutang berjumlah RM43,868.52 iaitu baki sehingga bulan 9/2002 beserta faedah yang terakru.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh notis ini.

Saya sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini mengkehendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh satu bulan dari tarikh pengisytiharan *Warta* ini.

Dan ambil perhatian, jika kamu ingkar memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, saya akan memohon suatu perintah jualan.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Bacang, Negeri Melaka. No. PT—4565. Jenis dan No. Hakmilik—No. HS(M) MCL 36. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. 120/93, Folio 74, Jilid 184 (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 31 Julai 2002.  
[PP 8412/92/3.]

Ketua Penolong Setiausaha,  
Bahagian Pinjaman Perumahan,  
Perbendaharaan Malaysia,  
(Pegawai yang ditetapkan oleh  
Menteri Kewangan di bawah  
Seksyen 5(1) Minister of Finance  
(Incorporation) Ordinance 1957)

**No. 293.**

Kepada Abdul Rahman bin Hussin, (KP. 6328179) beralamat di 237 Blok 11, Felda Air Tawar, 81900 Kota Tinggi, Johor, penggadai di bawah Gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan tamat perkhidmatan pada 31-10-1997 tidak membuat bayaran balik ansuran pinjaman sebagaimana yang ditetapkan dalam gadaian dari 3/1998-9/2002 jumlah tunggakan tersebut ialah sebanyak RM12,173.70. Dan kamu telah gagal membuat bayaran kesemua baki hutang berjumlah RM43,868.52 iaitu baki sehingga bulan 9/2002 beserta faedah yang terakru.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh notis ini.

Saya sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini mengkehendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh satu bulan dari tarikh pengisytiharan *Warta* ini.

Dan ambil perhatian, jika kamu ingkar memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, saya akan memohon suatu perintah jualan.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Bacang, Negeri Melaka. No. PT—4565. Jenis dan No. Hakmilik—No. HS(M) MCL 36. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. 120/93, Folio 74, Jilid 184. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 31 Julai 2002.  
[PP 8412/92/3.]

Ketua Penolong Setiausaha,  
Bahagian Pinjaman Perumahan,  
Perbendaharaan Malaysia.  
(Pegawai yang ditetapkan oleh  
Menteri Kewangan di bawah  
Seksyen 5(1) Minister of Finance  
(Incorporation) Ordinance 1957)

**No. 294.**

(Seksyen 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya Norihan bte Mohamed Naim, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;



Dengan ini pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam yang akan diadakan pada 8 Februari 2003 jam 9.30 pagi; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM42,000.00.

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM38,405.60.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Machap. No. Lot—1932. Jenis dan No. Hakmilik—MCL 97. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Gadaian Pers. 1729/97, Jilid 99, Folio 67.

Bertarikh 24 Oktober 2002.  
[PTAG. BI/04/31/2001 (19).]

NORIHAN BTE MOHAMED NAIM,  
Pentadbir Tanah Daerah,  
Alor Gajah

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA